

NOTIS PENTING

Terma dan Syarat yang dikemas kini ini (Versi 1.2) akan berkuatkuasa pada 31 Januari 2021 dan akan diguna pakai mengatasi semua Terma dan Syarat sebelum ini.

TERMA DAN SYARAT

Penganjur & Kelayakan

1. Peraduan **A&W/MyDebit "WAVE & Tebus Dengan MyDebit" ["Kempen"]** ini dianjurkan bersama oleh A&W (MALAYSIA) SDN BHD (5168-X) dan PAYMENTS NETWORK MALAYSIA SDN BHD (No.Syarikat: 200801035403 (836743-D)) [secara kolektif dirujuk sebagai "**Pihak Penganjur**"].
2. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan A&W yang merupakan pemegang Kad Mesin Pengeluaran Wang Automatik ["**ATM**"] MyDebit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan yang menyertai MyDebit di Malaysia ["**Pelanggan**"].

Tempoh Kempen & Kriteria Penyertaan

1. Kempen ini akan berlangsung dari **1 November 2020** jam 0001 sehingga **31 Mac 2021** pada jam 2359 (waktu Malaysia) atau sementara stok masih ada, yang mana lebih awal ["**Tempoh Kempen**"]. Sebarang penebusan yang dibuat selepas dari Tempoh Kempen yang tersebut akan ditolak dan akan dianggap tidak sah.
2. Perhatian: Semua transaksi/entri mesti menggunakan Kad ATM MyDebit secara 'Wave/Contactless (transaksi Tanpa Sentuh)'. Transaksi yang sah mestilah dibuat di dalam Tempoh Kempen ini.
3. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menamatkan Kempen termasuk Tempoh Kempen mengikut budi bicara mutlaknyanya dengan memberi notis. Jika Pelanggan tidak bersetuju pada sebarang pindaan untuk mana-mana Terma dan Syarat ini, Pelanggan adalah dianggap telahpun menarik diri daripada menyertai Kempen ini.
4. Hanya pembelian bernilai **RM25** (Dua Puluh Lima Ringgit Malaysia) dan ke atas di mana-mana cawangan A&W dengan menggunakan kad ATM MyDebit secara transaksi Tanpa Sentuh sebagai kaedah pembayaran layak diambil kira sebagai penyertaan yang sah di dalam Kempen ini. Hanya pembayaran penuh diterima. Pembahagian/pemecahan pembayaran adalah tidak dibenarkan. Sebagai contoh, jika jumlah pembayaran adalah RM50, Pelanggan tidak dibenarkan untuk membahagi/memecah pembayaran tersebut menjadi RM25 setiap satu.
5. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Pihak Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya untuk menggantikan hadiah dengan hadiah lain dengan nilai yang sama tanpa sebarang notifikasi terlebih terdahulu. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur, agensi, afiliasi, penaja dan wakilnya tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kecacatan atau penyalahgunaan hadiah, tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan yang berkaitan dengan Kempen ini.

Hadiah & Penebusan

1. Berbelanja minima **RM25 dalam satu resit** dengan kad ATM MyDebit secara transaksi Tanpa Sentuh dan dapatkan **Satu (1) diskaun segera bernilai RM3**.
2. **Satu (1) diskaun segera bernilai RM 3 (Hadiah)** yang ditawarkan adalah terhad kepada 95,000 penebusan yang pertama, sementara stok masih ada sah disemua cawangan A&W (makan direstoran, bawa pulang pandu lalu dan ekspres). Tidak sah untuk perkhidmatan penghantaran dengan rakan servis penghantaran.
3. Hadiah adalah terhad kepada satu penebusan setiap pembelian/resit.
4. Tidak sah untuk pembelian melalui kupon atau promosi lain.

Hak Pihak Penganjur

1. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan memberi kebenaran untuk Penganjur menggunakan, menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar Pelanggan (jika ada) bagi tujuan pengiklanan dan publisiti melalui apa jua saluran penerbitan, pengedaran atau paparan tanpa sebarang bayaran royalti atau pampasan kepada Pelanggan.
2. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, arahan dan kaedah Kempen seperti yang dijelaskan di www.facebook.com/AnWMalaysiaOfficial atau sebaliknya, juga akan mengikat semua Pelanggan dan penyertaan mereka dalam Kempen ini.
3. Jika berlaku apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dengan apa-apa terma yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk Kempen ini, terma yang terkandung di www.facebook.com/AnWMalaysiaOfficial akan diguna pakai.
4. Jika atas apa-apa sebab Peraduan ini tidak mampu berlangsung seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, apa-apa arahan pihak kerajaan dan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan, atau apa-apa sebab di luar kawalan Pihak Penganjur, Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlakanya, untuk membatalkan, menamatkan, mengubah suai, atau menggantung Peraduan ini.
5. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlakanya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan dan/atau penyertaan yang didapati atau disyaki menipu/menggodam/menyalahgunakan/memanipulasikan proses penghantaran Peraduan, operasi Peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini.

Liabiliti & Tanggungjawab

1. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Pelanggan akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan penyertaan mereka di dalam Kempen ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan Hadiah dan bersetuju untuk melepaskan pihak Penganjur dan agensinya dari sebarang tuntutan sama ada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan jiwa mahupun kehilangan ekonomi dan lain-lain.
2. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan Penganjur atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur untuk tujuan Kempen ini) bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau ganti rugi tidak langsung, sampungan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaihan atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen ini, walaupun Penganjur telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi yang tersebut adalah dikecualikan.
3. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju untuk mematuhi keputusan yang dibuat oleh Penganjur dan bersetuju dengan terma-terma & syarat-syarat rasmi dan semua keputusan Pihak Penganjur.
4. Semua keputusan yang dibuat berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat.
5. Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
6. Terma dan Syarat ini ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan adalah di bawah bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.

Notis Privasi

1. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Pelanggan bersetuju dan memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir lain ("Data Peribadi") untuk tujuan menjalankan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto Pelanggan di laman sesawang Pihak Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.

2. Pelanggan juga memberi kebenaran kepada bank masing-masing untuk berkongsi dan mendedahkan Data Peribadi mereka kepada Pihak Penganjur bagi menjalankan segala perkara berkaitan dengan Peraduan ini.
3. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Pelanggan juga memberikan persetujuan dan kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk berkongsi atau mengumpul Data Peribadi mereka termasuk dengan pihak ketiga (jika diperlukan) tidak terhad kepada agen Pihak Penganjur atau mana-mana institusi kewangan MyDebit di Malaysia. Semua pihak ketiga tersebut dikehendaki secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Pelanggan selain dari cara yang dinyatakan di sini.
4. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Pelanggan termasuk:
 - a) Hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Pihak Penganjur di alamat kontak yang dinyatakan di bawah dengan menyatakan kepada Pihak Penganjur nama dan alamat e-mel Pelanggan untuk penghapusan Data Peribadi tersebut;
 - b) Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dimiliki oleh Pihak Penganjur; dan
 - c) Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
5. Sebarang isu perlindungan data atau aktiviti berkenaan hak undang-undang bagi Pelanggan, sila rujuk laman sesawang Pihak Penganjur di www.facebook.com/AnWMalaysiaOfficial atau menghubungi talian pelanggan Pihak Penganjur di +603-58887600 dari 9pg – 5ptg, Isnin – Jumaat
6. Pihak Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi Pelanggan dengan selamat, dan memerlukan pemprosesan data dari pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, Pihak Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Pelanggan jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.
7. Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi yang berhubung kait dengan Peraduan ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia.

[Tamat]